

Ethiopia sokong Malaysia sertai BRICS

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia menghargai sokongan kuat dan tegas serta akan mencontohi Ethiopia dalam usaha menjadi rakan BRICS untuk menjadi sebuah negara yang stabil ekonominya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Ethiopia sebagai negara anggota BRICS menjadi tonggak penting dalam permohonan Malaysia untuk menyertai blok tersebut secara kolektif merangkumi satu per lima daripada perdagangan global.

Menurutnya, Ethiopia telah mengalami pertumbuhan yang luar biasa sepanjang tahun dan menjadi rakan kongsi penting bagi Malaysia.

"Ethiopia menyoroti beberapa kemajuan yang patut dipuji oleh negara yang tidak mempunyai akses kepada laut termasuk dari aspek ekonomi, tadbir urus, inisiatif antirasuah, kualiti pendidikan dan syarikat penerbangan.

"Saya percaya dengan sikap rendah hati, Malaysia seharusnya mencontohi kejayaan anda (Ethiopia), belajar daripada pengalaman anda dan berusaha untuk memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang stabil dan aman sambil mempersiapkan ekonominya.

"Sebagai wakil kerajaan, saya ingin sekali lagi menyatakan penghargaan mendalam kami," katanya dalam sidang akhbar bersama rakan sejawatnya dari Ethiopia, Dr. Abiy Ahmed Ali di Kompleks Seri Perdana di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar dan Abiy



ABIY Ahmed Ali (kanan) diiringi Anwar Ibrahim diperkenalkan kepada barisan Jemaah Menteri di Putrajaya, semalam.

mengadakan pertemuan empat mata untuk membincangkan hubungan dua hala serta bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Ethiopia adalah rakan dagang ke-26 terbesar Malaysia di benua Afrika pada 2023 dengan imbalan dagangan berpihak kepada negara ini.

Perdagangan antara Malaysia dan Ethiopia direkodkan berjumlah RM446.8 juta, dengan eksport Malaysia ke Ethiopia bernilai RM358.6 juta, mencatatkan peningkatan sebanyak 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Produk yang dieksport ke Ethiopia termasuk elektrik dan elektronik, minyak sawit serta barangan pertanian berasaskan minyak sawit, bahan kimia dan produk berasaskan bahan kimia serta tekstil, pakaian dan kasut

Sementara itu, Abiy berkata, kedua-dua negara bersetuju

untuk meningkatkan kerjasama dalam beberapa bidang utama termasuk pertanian, industri, perlombongan, perdagangan dan pelaburan.

"Terdapat banyak peluang di kedua-dua pihak. Perbincangan yang berlangsung sangat bermanfaat dalam memperkukuh kerjasama kita di semua sektor.

"Saya menggalakkan perniagaan Malaysia untuk mengambil peluang di Ethiopia yang merupakan ekonomi yang sedang pesat berkembang. Terdapat banyak prospek tersedia," katanya.

Tambah Abiy, hubungan diplomatik yang telah terjalin antara Ethiopia dan Malaysia selama lebih setengah abad perlu diperbaharui dan diperkukuhkan melalui lawatan seumpama ini.

Beliau turut menyatakan bahawa sektor swasta, pelancongan dan hubungan antara kerajaan akan memperkuat hubungan dua hala.